

01 FEB 1999

Mahathir-pemulihan

PELAN PEMULIHAN ASIA MESTI ADA ENAM CIRI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata untuk pemulihan ekonomi negara-negara Asia, ia mesti ada enam ciri bagi menghasilkan sebuah rumusan yang berjaya.

Ciri yang pertama ialah perspektif yang komprehensif dalam usaha pemulihan, kata Dr Mahathir dalam keluaran siri pertama artikel bulanan, melalui akhbar "Mainichi Daily News", Jepun hari ini.

Beliau berkata negara-negara Asia jangan mengabaikan kestabilan politik, ketenteraman masyarakat dan perpaduan dalam usaha mereka untuk pemulihan.

"Jika kita abaikan kestabilan politik, ketenteraman masyarakat dan perpaduan, ia akan menimbulkan kemudaratan," katanya dalam sebuah artikel "Pemulihan di Asia Memerlukan Keberanian dan Kemahiran."

Artikel Dr Mahathir di dalam akhbar itu bertajuk "Analisis Dunia Dr Mahathir" diterbitkan pada hari Isnin pertama setiap bulan dalam edisi bahasa Jepun dan Inggeris, dan juga melalui Internet.

Dr Mahathir berkata ciri yang kedua ialah keutamaan yang jelas dan produktif, dan yang ketiga tumpuan sepenuhnya untuk mencapai objektif yang paling kritikal.

Walaupun banyak perkara adalah penting, tetapi beberapa perkara yang strategik adalah amat penting.

"Ia adalah anak kunci yang dapat membuka banyak pintu, dan kita mesti pastikan kita memberikan tumpuan sepenuhnya, dengan sumber dan masa yang terhad, untuk mencari dan menggunakan anak kunci tersebut," katanya.

Ciri yang keempat, perlunya ada keseimbangan antara pembangunan masyarakat dan kebajikan, kestabilan politik dan perpaduan dan objektif ekonomi.

Yang kelima, negara-negara di Asia mesti mengkaji semua aspek, tanpa pengecualian.

Dr Mahathir berkata dalam keadaan sekarang mereka mesti mempunyai keberanian, kreativiti dan pragmatik.

Ciri yang terakhir perlunya ada usaha secara menyeluruh, kata Dr Mahathir.

"Seluruh negara mesti bersatu, berusaha sebagai satu unit dan berdiri teguh untuk mencapai matlamat," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia memahami bahawa negara berada dalam krisis dan negara perlu melakukan sesuatu untuk kembali pulih.

"Sejak kita melaksanakan kawalan mata wang pada 1 Sept lalu, ekonomi Malaysia telah menunjukkan pemulihan," katanya.

Beliau berkata kadar faedah telah dikurangkan dan syarikat-syarikat Malaysia boleh melabur semula, manakala prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur amat menggalakkan.

-- BERNAMA

AFY RI